

KEPERLUAN PERINCIAN HUKUM ISLAM TERHADAP ISU-ISU PENGURUSAN HAIWAN KESAYANGAN DI DALAM RUMAH DI MALAYSIA

THE NEED FOR DETAILED ISLAMIC LEGAL RULINGS ON ISSUES OF PET MANAGEMENT IN HOMES IN MALAYSIA

Muhammad A'tif Fitri Muhammad Salim¹

Muhammad Yusri Yusof @ Salleh^{2*}

Paiz Hassan³

¹Postgraduate Student, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (e-mail: 2024453668@student.uitm.edu.my).

²* Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (corresponding author, e-mail: yusri613@uitm.edu.my).

³ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (e-mail: paiz4186@uitm.edu.my).

*corresponding author

Article history

Received date : 9-1-2025

Revised date : 10-1-2025

Accepted date : 15-2-2025

Published date : 20-3-2025

To cite this document:

Muhammad Salim, M. A. F., Yusof @ Salleh, M. Y., & Hasan, P. (2025). Keperluan perincian hukum islam terhadap isu-isu pengurusan haiwan kesayangan di dalam rumah di Malaysia. *Journal of Islamic, social, economics and development (JISED)*, 10 (71), 175- 185.

Abstrak: Pengurusan haiwan kesayangan di dalam rumah merupakan suatu aspek yang memerlukan perhatian khusus dalam kerangka hukum Islam. Islam membenarkan pemeliharaan haiwan dengan syarat pemilik bertanggungjawab dalam menjaga kebijakan, kebersihan, serta kesejahteraan haiwan dan persekitaran rumah. Namun demikian, terdapat beberapa isu utama yang sering menimbulkan persoalan dalam kalangan pemilik haiwan, antaranya berkaitan dengan kenajisan air liur dan bulu haiwan, kebersihan tempat ibadah, serta implikasi kesihatan akibat interaksi rapat dengan haiwan. Penulisan ini bertujuan untuk menganalisis isu-isu utama dalam pengurusan haiwan kesayangan berdasarkan prinsip fiqh Islam, khususnya dalam aspek taharah, keabsahan transaksi jual beli haiwan, serta kebijakan dan kesejahteraan haiwan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis literatur bagi meneliti garis panduan syarak dalam pengurusan haiwan kesayangan. Hasil kajian mendapati bahawa pemilik haiwan kesayangan perlu diberikan kesedaran dan bimbingan yang lebih jelas mengenai kaedah pengurusan haiwan yang menepati tuntutan syarak. Justeru, pemahaman yang komprehensif mengenai hukum-hakam Islam dalam pengurusan haiwan kesayangan amat penting bagi memastikan kehidupan yang bersih, sihat, dan harmoni, selaras dengan prinsip syariat Islam. Kajian ini mencadangkan satu kerangka pengurusan haiwan kesayangan yang lebih sistematik dan berlandaskan hukum Islam bagi membantu pemilik haiwan memahami tanggungjawab mereka dalam aspek kebersihan, kesihatan, keselamatan, dan keabsahan ibadah.

Kata kunci: Pengurusan haiwan kesayangan, hukum Islam, fiqh taharah, kebersihan, kesejahteraan haiwan.

Abstract: *The management of pets in households is an aspect that requires special attention within the framework of Islamic law. Islam permits pet ownership, provided that owners are responsible for ensuring the welfare, cleanliness, and well-being of both the animals and their living environment. However, several key issues often arise among pet owners, including concerns regarding the impurity of animal saliva and fur, the cleanliness of prayer spaces, and health implications due to close interaction with pets. This study aims to analyse the key issues in pet management based on Islamic jurisprudence (fiqh), particularly in the aspects of taharah (purification), the validity of pet transactions, and animal welfare. A qualitative approach through literature analysis is employed to examine Islamic legal guidelines on pet management. The findings indicate a need for greater awareness and clearer guidance for pet owners regarding pet care practices that comply with Islamic principles. Therefore, a comprehensive understanding of Islamic rulings on pet management is essential to ensure a clean, healthy, and harmonious life in accordance with Islamic teachings. This study proposes a more systematic pet management framework based on Islamic law to assist pet owners in fulfilling their responsibilities regarding cleanliness, health, safety, and the validity of worship.*

Keywords: Pet management, Islamic law, fiqh of taharah, cleanliness, animal welfare.

Pendahuluan


Pemeliharaan haiwan kesayangan di dalam rumah semakin menjadi amalan lazim dalam kalangan masyarakat moden. Haiwan peliharaan seperti kucing, anjing, arnab, dan burung bukan sahaja berperanan sebagai teman hidup, malah turut memberikan manfaat psikologi dan emosi kepada pemiliknya. Namun demikian, aspek pengurusan haiwan kesayangan tidak boleh diabaikan, khususnya dalam konteks hukum Islam. Islam telah menetapkan garis panduan yang jelas mengenai kehidupan yang bersih dan suci, termasuk dalam aspek penjagaan haiwan peliharaan. Kebersihan dan kesucian memainkan peranan penting dalam kehidupan umat Islam, terutamanya dalam urusan ibadah. Dalam konteks ini, pengurusan haiwan kesayangan di dalam rumah perlu dilaksanakan dengan berhati-hati bagi memastikan ia selaras dengan prinsip Islam, khususnya dalam aspek kebersihan, kesihatan, dan kesucian tempat ibadah. Isu-isu berkaitan hukum elemen yang terpisah daripada haiwan, seperti bulu dan air liurnya, sering menimbulkan persoalan dalam kalangan umat Islam. Selain itu, pengurusan najis, khususnya bagi haiwan yang dikategorikan sebagai najis mughallazah seperti anjing, serta implikasi kesihatan yang berpotensi timbul akibat interaksi rapat antara manusia dan haiwan peliharaan juga perlu diberi perhatian. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan membincangkan isu-isu utama dalam pengurusan haiwan kesayangan di dalam rumah dari perspektif hukum Islam. Kajian ini turut meneliti bagaimana prinsip fiqh Islam dapat diterapkan dalam menguruskan kebersihan dan kesejahteraan haiwan peliharaan, di samping memastikan bahawa pemeliharaan haiwan tidak menjelaskan kesucian hidup umat Islam, khususnya dalam amalan ibadah harian. Sorotan Literatur berkaitan dengan isu-isu fiqh diringkaskan seperti jadual di bawah:

Jadual 1: Sorotan Literatur

Artikel	Dapatkan	Jurang Kajian
Farhan et.al (2018)	Memberi panduan kepada masyarakat kemungkinan mudarat haiwan tertentu dan teknik kawalan paling berkesan menurut al-Sunnah tanpa meminggirkan hak-hak eksklusif haiwan.	Kajian hanya khusus kepada pengurusan ular berbisa sahaja.
Farhan et.al (2014)	Merungkai perbahasan berkaitan berpandukan tafsir pilihan al-Jami' li Akhmad Quran karya Imam al-Qurtubi dengan memfokuskan analisis terhadap haiwan perosak dari perspektif mufassir dan rumusan fuqaha' serta aspek hubungannya dengan Muslim.	Tidak berkaitan dengan pengurusan haiwan kesayangan menurut perspektif hukum islam. Kajian hanya tentang haiwan perosak.
Norsuhana (2021)	Analisis literatur terhadap makanan dan pemakanan daging haiwan liar yang menjadi agen pembawa dan penyebaran virus Corona daripada perspektif sains kesihatan dan Islam.	Tidak berkaitan dengan pengurusan haiwan kesayangan menurut perspektif hukum Islam. Kajian memfokuskan tentang haiwan liar sebagai makanan sahaja.
Azizan et.al (2024)	Membahaskan hukum pemindahan organ haiwan terutamanya yang berstatus haram seperti jantung babi kepada manusia.	Tidak berkaitan dengan pengurusan haiwan kesayangan hanya tentang penggunaan organ haiwan.
Maryam & Che (2018)	Mengkaji status hukum syarak penggunaan bahan kecantikan yang mengandungi plasenta haiwan di Malaysia.	Tidak berkaitan dengan pengurusan haiwan kesayangan hanya tentang penggunaan organ haiwan.
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2022)	Menyelaraskan fatwa berkaitan hukum kepenggunaan haiwan <i>jallalah</i> di Malaysia khususnya berkaitan haiwan akuatik.	Kajian hanya khusus kepada pengurusan haiwan <i>jallalah</i> sahaja.
Firdaus et.al. (2019)	Menyelesaikan isu-isu yang berbangkit tentang proses stunning ketika proses sembelihan.	Kajian hanya memfokuskan kaedah sembelihan haiwan.
Faiq et.al (2022)	Menganalisis secara tematik perbincangan para fuqaha klasik terhadap isu interaksi manusia-haiwan	Tidak berkaitan dengan pengurusan haiwan kesayangan.
Aizat & Jasimah (2009)	Menjelaskan tentang teori istihalah terhadap produk makanan dari perspektif sains dan Islam.	Tidak berkaitan dengan pengurusan haiwan kesayangan.
Husam (2021)	Menjelaskan tentang hukum-hakam pembunuhan haiwan dengan pelbagai cara.	Kajian hanya berkaitan tentang hukum membunuh haiwan sahaja.

Metodologi Kajian

Kajian ini mengaplikasikan dua pendekatan utama, iaitu kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Dalam aspek pengumpulan data, penyelidik memberi tumpuan kepada analisis dokumen. Analisis dokumen dilaksanakan terhadap sumber-sumber utama seperti jurnal akademik, buku rujukan dalam mazhab Syafie, serta karya berkaitan haiwan peliharaan. Kajian literatur yang teliti terhadap sumber-sumber ini akan membantu menghasilkan maklumat yang komprehensif dan berdasarkan kajian akademik yang kukuh. Bagi kaedah analisis data, penyelidik akan mengaplikasikan analisis teks terhadap jurnal yang berkaitan serta merujuk kitab-kitab fiqh utama dalam mazhab Syafie seperti *Tuhfah al-Muhtaj*, *Nihayah al-Muhtaj*, *Al-Ubab*, dan *Al-Wasit*. Akhir sekali, menggunakan pendekatan usul fiqh dan qawaaid fiqhiyyah, penyelidik akan menganalisis hukum yang telah dirumuskan pada peringkat awal kajian berkaitan isu-isu fiqh dalam pengurusan haiwan kesayangan.



Rajah 1: Metodologi Kajian

Dapatkan Kajian dan Perbincangan

Kenajisan Dan Kebersihan

Kebersihan lahiriah merupakan aspek utama dalam kehidupan seorang muslim. Terdapat beberapa ayat al-Quran dan hadis yang menerangkan tentang kepentingan kebersihan kepada diri seseorang. Antaranya, firman Allah SWT:

۲۲۲ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الظَّوَافِينَ وَيُحِبُّ الْمُنْتَطَهِرِينَ

Mafhumnya: Sesungguh-Nya Allah mengasihi orang-orang yang bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa menyucikan diri”
(Al-Baqarah : 222)

Rasulullah SAW juga menekankan di dalam sabda Baginda:

الظهور شطر الإيمان

Mafhumnya: “Kebersihan itu sebahagian daripada iman.”

(HR. Muslim : No. 224)

Seterusnya, kebersihan juga merupakan antara syarat sah bagi menunaikan ibadah solat. Oleh itu, ini juga merupakan salah satu bukti bahawa agama Islam menitikberatkan tentang kebersihan di dalam kehidupan penganutnya. Berdasarkan beberapa kajian lepas, terdapat beberapa isu yang timbul tentang kebersihan berkaitan dengan haiwan kepada pemilik haiwan kesayangan di dalam rumah. Menurut Azalanshah (2016), terdapat penyalahtafsiran kefahaman terhadap status kenajisan anjing. Perkara ini disebabkan generasi muda Melayu menganggap Islam membenarkan pemeliharaan anjing untuk dijadikan *pet*. Ini membawa persepsi bahawa anjing boleh dibela di dalam rumah. Selain itu, Roa (2024) menyatakan bahawa pengharaman membela anjing di dalam rumah atas beberapa sebab di antaranya ialah menyebabkan seseorang muslim sentiasa dalam keadaan bernajis, mengurangkan ganjaran pahala sebagaimana disebutkan di dalam hadis dan memberi mudarat kepada kesihatan. Jabatan Mufti Pulau Pinang (2017) juga ada menyatakan tentang hukum memelihara anjing oleh orang Islam adalah haram melainkan dengan sebab-sebab yang dibenarkan di sisi syariat.

Dzulkifli (2023) menyatakan bahawa sebagai seorang muslim perlu untuk memastikan pakaianya bersih daripada bulu kucing sebelum melaksanakan solat. Selain itu, najis kucing boleh berpindah kepada bulu kucing jika salah satu daripada najis atau bulu kucing itu basah. Soleh (2003) menyatakan kepentingan menyatakan hukum tentang haiwan-haiwan yang tidak boleh dimakan dari perspektif ibadah. Hal ini demikian kerana, banyak haiwan tersebut bergaul dengan manusia yang membawa kepada tertinggalnya kesan air kencing, peluh dan air liur ke atas pakaian dan bahagian-bahagian di dalam rumah. Kebanyakan literatur sebelum ini hanya memfokuskan terhadap kucing dan anjing sebagai haiwan kesayangan di dalam rumah. Namun, trend terkini bukan lagi terhad pada kucing dan anjing semata-mata. Masyarakat mula memelihara buaya, ular, kala jengking, gecko, dan pelbagai jenis haiwan eksotik yang lain di dalam rumah (Norhasliza, 2019). Implikasi daripada perkara tersebut, pemilik haiwan turut terlibat menguruskan haiwan kesayangan mereka dan ini membawa risiko kenajisan yang pelbagai daripada haiwan kesayangan mereka seperti kenajisan bulu, peluh, air liur, muntah dan najis haiwan tersebut. Berdasarkan perubahan keadaan masyarakat pada hari ini masyarakat memerlukan sebuah kerangka pengurusan haiwan kesayangan di dalam rumah menurut perspektif hukum Islam melibatkan pelbagai jenis haiwan dan menepati kaedah pengurusan haiwan di dalam rumah yang diamalkan pada masa kini.

Kesihatan

Aspek kesihatan haiwan ini berkait rapat dengan menjaga hak bagi haiwan kesayangan. Hak haiwan kesayangan dari aspek kesihatan ini perlu diambil kira dari aspek penjagaan dan rawatan. Penularan penyakit biasanya berlaku kepada haiwan ternakan yang dipelihara di dalam rumah. Menurut Chung et. al. (2020) haiwan kesayangan yang dibela di kawasan tertutup terutamanya di dalam rumah boleh menjadi punca penyakit paru-paru atau asma kerana haiwan tersebut menyebabkan pencemaran udara di dalam rumah. Jenni et. al. (2021) menyatakan bahawa haiwan kesayangan ini juga merupakan punca kepada pembawaan mikrob dan bakteria ke dalam rumah dan memudaratkannya. Medium pembawaan mikrob dan bakteria yang utama adalah melalui pakaian yang terkena haiwan yang dipelihara di dalam rumah. Selain itu, haiwan kesayangan ini juga mampu untuk merebakkan mikrobiota mereka sendiri melalui kulit dan kaviti pada gigi mereka. Natijahnya, mikrob tersebut merebak ke seluruh rumah. Seterusnya, disebutkan secara khusus tentang anjing yang membawa bakteria khusus seperti *taxa*.

Jason et. al. (2012) menyatakan beberapa kesan negatif akibat interaksi dengan haiwan kesayangan adalah gigitan haiwan boleh menyebabkan penyakit *zoonosis* yang serius. Selain itu, cakaran haiwan juga boleh memberi kesan kepada bahagian tubuh yang terkena cakaran tersebut.

Kulit dan membran mukus haiwan juga berpotensi untuk merebak kepada manusia. Buhalis & Chan (2023) menyatakan haiwan kesayangan ini terkadang menjadi masalah kepada pemiliknya apabila berada di tempat awam seperti pasaraya dan hotel. Perkara ini disebabkan banyak tempat yang sedemikian tidak mesra haiwan kesayangan dengan melarang membawa haiwan ke tempat-tempat tersebut. Selain itu, kebanyakan pemilik haiwan tidak cakna terhadap kesihatan haiwan kesayangan mereka merupakan punca tularnya penyakit berjangkit seperti *Leptospirosis*, Rabies, *Toxoplasmosis* dan *Dermatomikosis* (Gringsing, 2020). Penyakit lain yang turut berpotensi bagi pemilik kucing adalah *Ocular Toxoplasmosis* yang merupakan jangkitan pada bahagian retina dan koroid penyebab seseorang menjadi buta (Hajar & Rafidah, 2024). Beberapa situasi ini memerlukan pendekatan kerangka fiqh bagi pemilik haiwan kesayangan ini.

Memelihara haiwan kesayangan adalah harus dari perspektif hukum Islam. Perkara ini merujuk kepada syarahan Ibn Hajar Al-Asqalani tentang hadis Abu Umair.

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحْسَنَ النَّاسَ خَلْفًا وَكَانَ لِي أَخٌ يُقَالُ لَهُ أَبُو عُمَيْرٍ - قَالَ أَحْسَبُهُ فَطِيمٌ - وَكَانَ إِذَا جَاءَ قَالَ " يَا أَبَا عُمَيْرٍ مَا فَعَلْتُ النَّعْيِرَ " تَعْرَفَ كَانَ يَلْعَبُ بِهِ فَرِبْمَا حَضَرَ الصَّلَاةَ وَهُوَ فِي بَيْتِنَا فَيَأْمُرُ بِالْبِسْطِ الَّذِي تَحْتَهُ فَيُئْسِنُ وَيُنْصَحِّ ثُمَّ يَقُولُ وَنَقُومُ خَلْفَهُ فَيُصْلِي بِنَاهِيَةِ الْمَسْجِدِ

Maksudnya: Nabi Muhammad SAW merupakan orang yang terbaik akhlaknya. Aku mempunyai seorang adik yang dipanggil Abu 'Umair, yang aku rasa baru sahaja berhenti menyusu dengan ibunya. Setiap kali adikku itu dibawa kepada Baginda akan bertanya kepadanya “wahai Abu 'Umair, apa yang burung pipit kamu sedang lakukan? (burung pipit belaan yang selalu dia bermain dengannya) Kadang-kala waktu solat tiba sedang Baginda masih di rumah kami, maka Baginda mengarahkan kami untuk menghamparkan tikar dibawahnya, dibersihkan dan direnjis air. Kemudian Baginda berdiri dan kami mengikut Baginda, dan solat di belakang Baginda.

(HR.Bukhari, no. 6203)

Ibn Hajar Al-Asqalani (2002) menyatakan bahawa, antara faedah yang boleh dikeluarkan daripada hadis ini adalah harus meletakkan burung yang dipelihara di dalam sangkar. Namun begitu, pemilik haiwan seharusnya cakna tentang tanggungjawab terhadap haiwan yang dipelihara agar tidak diseksa di akhirat seperti kisah seorang wanita yang diazab kerana mengurung kucingnya tanpa memberi makanan dan minuman sehingga kucing tersebut mati. Tanggungjawab yang perlu diberikan perhatian oleh pemilik haiwan termasuklah kebersihan, kesihatan dan keperluan haiwan kesayangan. Oleh itu, perkara ini menjurus kepada keperluan menyediakan sebuah kerangka sebagai rujukan pemilik haiwan terutamanya yang beragama Islam dalam menunaikan hak terhadap haiwan kesayangan dengan baik menurut perspektif hukum Islam.

Keselamatan

Pemilik haiwan eksotik perlu mempraktikkan bentuk pengurusan haiwan yang efektif dan tepat. Haiwan eksotik ini memberi kemudarat terhadap pemiliknya. Islam telah mengarahkan umatnya agar tidak mencampakkan diri mereka ke dalam kebinasaan. Firman Allah SWT :

١٩٥ ... وَلَا تُنْقِلُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى الْتَّهْنِكَةِ ...

Maksudnya : Janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan.

(al-Baqarah : 195)

Menurut data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia, terdapat 230 Syarikat *Petshop* Hidupan Liar yang berdaftar dengan pihak tersebut (PERHILITAN, 2023). Nilai ini menunjukkan banyaknya permintaan terhadap haiwan eksotik daripada para pemilik dan penggemar haiwan. Statistik Syarikat *Petshop* Hidupan Liar yang berdaftar adalah seperti Jadual 2. Perkara ini menunjukkan terdapat permintaan untuk memelihara haiwan eksotik ini.

Jadual 2: Statistik Syarikat *Petshop* Hidupan Liar Yang Berdaftar Di Malaysia

Negeri	Bilangan Kedai
Selangor	64
Johor	37
Perak	25
Kedah	22
Pulau Pinang	19
Wilayah	14
Negeri Sembilan	12
Pahang	11
Kelantan	9
Melaka	9
Perlis	5
Terengganu	3

Menurut Kamarul & Safwan (2021) dan Mufti (2022) pemilik haiwan eksotik yang dipelihara di dalam rumah perlu mengambil langkah berjaga-jaga kerana haiwan ini boleh membawa mudarat kepada pemiliknya. Selain itu, Mushfique (2018) dan Zubair (2023) menyatakan bahawa perbuatan membela biawak di dalam rumah adalah tidak selari dengan prinsip Islam bagi menutup mafsadah serta hukum membela ular adalah makruh kerana tiada manfaat. Haiwan eksotik ini juga berpotensi membawa bahaya apabila tidak dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu dan juga boleh membawa penyakit zoonotik seperti virus *herpes B*. ('Asyikin, 2024).

Rasulullah telah menggariskan beberapa haiwan yang perlu dibunuh, antaranya, tikus, kala jengking, burung helang, burung gagak dan anjing gila. Menurut Al-Asqalani (2015), lima jenis haiwan yang disebut sebagaimana yang diriwayatkan tidak bermaksud ia hanya khusus kepada lima jenis haiwan itu sahaja. Haiwan yang disebutkan itu sekadar menunjukkan salah satu bentuk contoh dalam menyatakan jenis haiwan fasiq dan tidak menjadi dasar ketetapan dalam hujah dan hukum hanya bagi kelima-lima tersebut sahaja. Haiwan-haiwan fasiq yang disebut itu kesemuanya memiliki sifat zalim yang mengancam kesejahteraan hidup. Di dalam hadis yang lain, turut disebut dengan bilangan yang berbeza. Akan tetapi, kesemuanya adalah bagi menunjukkan persepakatan ulama tentang '*illah* sifat haiwan tersebut iaitu menyakiti, tidak bermanfaat dan suka melakukan kerosakan pada manusia (Mufti Wilayah Pesekutuan, 2019).

Namun begitu, bagi pemilik haiwan eksotik, mereka perlu mendapatkan lesen dari Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) sebelum boleh menyimpan haiwan ini di rumah. Oleh itu, perkara ini sebenarnya mampu untuk mengurangkan risiko keselemanan tersebut kerana pihak Jabatan PERHILITAN akan memantau pemilik-pemilik haiwan eksotik ini. Selain daripada itu, terdapat kursus-kursus pengendalian secara *online* dan

offline bagi meminimakan risiko aspek keselamatan kepada pemilik haiwan tersebut. Oleh kerana tiada garis panduan khusus berkaitan pandangan Islam terhadap pemeliharaan haiwan dalam rumah, kajian ini menyarankan agar sebuah kajian khusus dilaksanakan bagi menjadi panduan kepada pencinra haiwan di Malaysia.

Kesahihan Jual Beli

Jual beli adalah perkara biasa yang dilakukan bagi pemilik haiwan. Terutamanya dalam membeli haiwan peliharaan itu sendiri. Nilai dan harga seekor haiwan ini bergantung kepada jenis dan keunikan haiwan tersebut. Semakin unik dan langka semakin tinggi harga yang ditawarkan. Namun begitu, terdapat satu perkara yang perlu disemak semula bagi seorang Islam dalam melaksanakan jual beli haiwan dan juga kelengkапannya seperti makanan dan lain-lain, iaitu, kesahihan transaksi jualan yang dilaksanakan tersebut menurut neraca fiqh Islam. Menurut Ainul (2021) hukum membela ular adalah haram serta melaksanakan transaksi jual beli ular adalah tidak sah kerana setiap barang jualan yang tiada nilai manfaat adalah tidak sah transaksinya kerana tidak menepati syarat jual beli. Situasi ini memerlukan kerangka fiqh yang berdasarkan kepada keadaan semasa yang berubah kerana komuniti haiwan eksotik ini adalah ramai dan perlukan panduan untuk memudahkan umat Islam yang terlibat dalam perkara ini.

Menurut Muhammad Al-Ramli (2021) di dalam kitabnya Nihayah Al-Muhtaj menyatakan bahawa, antara syarat barang yang dijual adalah bermanfaat di sisi syariat. Oleh itu, tidak sah jual beli binatang melata seperti tikus, kumbang, ular dan semut. Beliau juga turut menyatakan tidak diambil kira manfaat haiwan tersebut kepada sesetengah golongan yang khusus. Implikasinya, pemilik haiwan akan terlibat di dalam jual beli yang tidak sah. Perkara ini perlu kepada perincian hukum Islam berdasarkan kepada kerangka semasa. Kesimpulannya, aspek ini perlu diteliti dengan sebaiknya untuk penyediaan kerangka bagi menjadi rujukan kepada pemilik haiwan ini dalam melaksanakan jual beli.

Kesahihan Ibadah

Ibadah merupakan asas utama yang perlu dijaga oleh seorang Islam. Seperti yang difirmankan Allah SWT :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ ٥٦

Maksudnya : Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku.

(Az-Zariat : 56)

Berdasarkan ayat ini, jelas bahawa dalam melaksanakan ibadah kepada Allah SWT, umat Islam perlu memelihara ibadah dengan sebaik-baiknya, kerana ia merupakan suatu ketetapan daripada Tuhan Yang Maha Esa. Selain itu, kesucian daripada segala najis yang tidak dimaafkan turut menjadi salah satu syarat sah solat, sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis Nabi SAW:

إِذَا جَاءَ أَحَدُكُمُ الْمَسْجِدَ فَلِيَنْظُرْ فَإِنْ رَأَى فِيهِ أَذْى أَوْ قَنْزِرًا فَلِيَسْمِحْهُ وَلِيَصْلِفْ فِيهِمَا

Maksudnya : Bila seseorang di antara kamu datang ke masjid hendaklah melihat. Jika dia melihat pada kasut ada kotoran, gosokkan (ke tanah) dan solatlah dengan memakai kedua kasut tersbut.

(HR. Abu Dawud, no. 650)

Menurut Az-Zuhaili (2022), hadis ini menunjukkan bahawa menghilangkan najis adalah syarat sah solat.

Terdapat beberapa keadaan yang boleh menimbulkan perasaan was-was dalam kalangan umat Islam terhadap kesihihan ibadah yang dilaksanakan, khususnya apabila wujud ketidakpastian mengenai kenajisan sesuatu tempat yang telah bersentuhan dengan haiwan peliharaan. Menurut Ibn Imad (2015), kejahanan mengenai status kenajisan sesuatu perkara boleh menyebabkan kekeliruan dan was-was dalam ibadah. Sehubungan itu, Dzulkifli (2024) mencadangkan agar pemilik haiwan menyediakan ruang khas bagi kucing membuang najis di lokasi yang terasing daripada ruang solat dan kawasan utama rumah. Cadangan ini bertujuan mengelakkan perasaan ragu atau syak dalam kalangan umat Islam yang menitikberatkan kebersihan diri semasa beribadah. Dari sudut hukum, bulu haiwan yang tidak halal dimakan adalah najis sekiranya terpisah daripada badannya ketika masih hidup atau selepas mati. Walau bagaimanapun, ramai pemilik haiwan kurang memberi perhatian terhadap perkara ini, meskipun terdapat keadaan tertentu di mana bulu kucing yang terpisah dimaafkan (Faisol, 2023). Oleh itu, kekurangan kefahaman mengenai kenajisan elemen yang terpisah daripada haiwan peliharaan seperti bulu, air liur, air mata, peluh, tahi, dan air kencing perlu diberikan perhatian yang lebih mendalam. Penjelasan yang terperinci dalam perkara ini amat diperlukan bagi membimbing pemilik haiwan dalam menguruskan kebersihan haiwan peliharaan di dalam rumah dengan lebih sistematik dan selaras dengan tuntutan syarak.

Kesimpulan

Kajian ini meneliti isu-isu utama dalam pengurusan haiwan kesayangan di dalam rumah dari perspektif hukum Islam, merangkumi aspek kebersihan dan kenajisan, kesihatan, keselamatan, kesihihan jual beli haiwan, serta keabsahan ibadah. Hasil kajian mendapati bahawa pemilik haiwan kesayangan perlu memahami garis panduan syarak bagi memastikan pengurusan haiwan selaras dengan prinsip *taharah* serta kebersihan tempat ibadah. Selain itu, kajian ini turut menekankan kepentingan meningkatkan kesedaran dalam kalangan pemilik haiwan mengenai aspek kesihatan dan keselamatan, khususnya dalam pemeliharaan haiwan eksotik yang berpotensi membawa risiko penyakit serta ancaman kepada pemilik dan persekitaran. Dari sudut ekonomi, pemilik haiwan hendaklah memastikan bahawa transaksi jual beli haiwan yang dilakukan memenuhi syarat sah menurut hukum Islam, selaras dengan prinsip *fiqh muamalat*. Secara keseluruhannya, kajian ini mencadangkan satu kerangka pengurusan haiwan kesayangan yang lebih sistematik dan berasaskan hukum Islam, bagi membantu pemilik memahami tanggungjawab mereka dalam aspek kebersihan, kesihatan, keselamatan, serta keabsahan ibadah. Oleh itu, kefahaman yang jelas mengenai hukum-hakam Islam dalam pemeliharaan haiwan adalah amat penting bagi memastikan kehidupan yang bersih, sihat, dan sejahtera selaras dengan tuntutan syariat.

Rujukan

- Abu al-Husayn Muslim bin Al-Hajjaj al-Qusyairi al-Naisaburi. (2012). *Sahih Muslim. Dar al-Nawadir.*
- Ahmad Bin Ali Bin Hajar Al-Asqalani. (2015). *Fath al-Bari syarah sahih al-Bukhari.* Dar Al-Hadis.
- Ainul Yaqin Binti Bakharudin. (2021). Irsyad Hukum Siri Ke-640 : Hukum memelihara dan berjual beli ular. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/5053-irsyad-al-fatwa-siri-ke-640-hukum-memelihara-dan-berjual-beli-ular>. Diakses pada 5 November 2024.
- Buhalis, Dimitrios & Chan, Janelle. (2023). Traveling with pets: designing hospitality services for pet owners/parents and hotel guests. *International Journal of Contemporary Hospitality Management*, 35(12), 4217-4237
- Chung-Hui Lin, Pei-Ying Lo, Huey-Dong Wu. (2020). An observational study of the role of indoor air pollution in pets with naturally acquired bronchial/lung disease. *Veterinary Medicine and Science Published*, 6(3), 314-320.
- Dzulkifli Al-Bakri. (2023). Kucing kesayangan tidur di dalam kotak najis. <https://bukudrzulkifli.com/3441-kucing-kesayangan-tidur-di-dalam-kotak-najis/>. Diakses pada 4 November 2024.
- Dzulkifli Al-Bakri. (2024). Bela kucing dalam rumah. <https://bukudrzulkifli.com/6333-bela-kucing-dalam-rumah/>. Diakses pada 4 November 2024.
- Gringsing Pangestu Aji. (2020). Perancangan ilustrasi buku penyakit menular hewan kesayangan dan cara pencegahannya. Jurnal Tugas Akhir Program Studi S-1 Desain Komunikasi Visual Jurusan Desain Fakultas Seni Rupa Institut Seni Indonesia Yogyakarta.
- Husam Yusuf Hasan An-Najjar. (2021). *Ahkam qatl haiwan fi al-fiqh al-Islami wa suwaruhu al-mu'asirah.* (t.p.).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2022). *Hukum kepenggunaan haiwan jallalah dalam industri akuakultur di Malaysia.* Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang. (2017). Hukum memelihara anjing oleh orang Islam. <https://mufti.penang.gov.my/index.php/efatwa-2/325-pemeliharaan-anjing-sebagai-haiwan-kesayangan-oleh-orang-islam>. Diakses pada 5 November 2024.
- Jason W Stull1, Andrew S Peregrine, Jan M Sargeant & J Scott Wees. (2012). Household knowledge, attitudes and practices related to pet contact and associated zoonoses in Ontario, Canada. *BMC Public Health*, 12, 553.
- Jenni M. Mäki, Pirkka V. Kirjavainen, Martin Täubel, Eija Piippo-Savolainen, Katri Backman, Anne Hyvärinen, Pauli Tuoresmäki, Balamuralikrishna Jayaprakash, Joachim Heinrich, Gunda Herberth, Marie Standl, Juha Pekkanen & Anne M. Karvonen. (2021). *Associations between dog keeping and indoor dust microbiota.* *scientific reports(Nature Portfolio)*, 11(1), 5341.
- Md Azalanshah Md Syed. (2016). I want to touch a dog: Islam, penyesuaian tradisi dan pembentukan imej melayu moden. *Forum Komunikasi*, 11(2), 23-50.
- Mohammad Aizat Jamaludin, Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi. (2009). Teori istihalah menurut perspektif Islam dan Sains: Aplikasi terhadap beberapa penghasilan produk makanan. *Shariah Journal*, 17(1), 169–194.
- Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad, Mohd Anuar Ramli, Muhammad Ikhlas Rosele, Mohamad Zaim Isamail, Nor Izati Samsudin, Wan Noor Azila Wan Kamaruzaman. (2014). *Fiqh haiwan perosak menurut tafsir al-Qurtubi: Satu analisis.* The 4th Annual International Qur'anic Conference.

- Mohd Farhan Md Ariffin, Muhammad Adam Abd Azid, Ahmad Za'im Sabirin Mohd Yusoff. (2018). Ancaman ular: Signifikan dan teknik kawalan menurut perspektif fiqh al-Hadith. *Jurnal Usuluddin*, 46(1), 45-70.
- Mohd Kamarul Khaidzir Saadan & Muhammad Safwan Fikri Samsudin. (6 April 2021). Keharusan pemeliharaan haiwan liar dan eksotik bagi orang Islam. [Paper presentation] International Conference On Syariah & Law2021 (ICONSYAL 2021).
- Muhammad Azizan Sabjan, Noor Shakirah Mat Akhir, Roshimah Shamsudin, Muhammad Ikhlas Rosele, Farah Salwani Muda@Ismail, Halipah Hamzah. Hukum pemindahan organ haiwan kepada manusia. (2024). *BITARA Internationa Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 7(1), 132-146.
- Muhammad Faiq Mohd Zailani, Mohammad Naqib Hamdan, Aimi Nadia Mohd Yusof, Nur Najwa Hanani Abdul Rahman. (2022). Perbahasan hukum percampuran manusia-haiwan: Satu analisis tematik dalam mazhab Syafie, *Sains Insani*, 7(2), 92-99.
- Muhammad Firdaus Sapian, Mohd Faizal Rameli, Mohd Hapiz Mahaiyadin. (2019). Kaedah penetapan hukum sembelihan haiwan secara stunning: Analisis terhadap keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Malaysia. *Online Journal Research in Islamic Studies*, 6, 67-72.
- Muhammad Mufti Syahril. (2022). Hukum Memelihara Hewan Yang Diperintahkan Dibunuh (Studi Komparatif Pendapat Ibn Qudamah dan Zarkasyi). Skripsi Fakultas Syari'ah dan Hukum Universitas Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh.
- Muhammad Mushfique Ahmad Ayoup @ Ayub. (2018). Al-Kafi #677: Hukum membela biawak di dalam rumah.. Diakses pada 5 November 2024. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2199-al-kafi-677-hukum-membela-biawak-di-dalam-rumah>
- Muhammad Mustofa al-Zuhaili. (2022). *Fiqh bulugh al-maram*. Maktabah Dar Al-Bayan.
- Nor 'Asyikin Mat Hayin. (2024). Jangan main bela saja. Diakses pada 20 Disember 2024. <https://www.hmetro.com.my/ku-bela/2024/06/1102004/jangan-main-bela-saja>.
- Norhasliza Yusoff. (2019, Jan-Feb). Miliki 30 Jenis Haiwan Peliharaan. *Keluarga*. 72-73.
- Norsuhana Abdul Hamid. (2021). Haiwan liar sebagai makanan eksotik dan penyebaran virus corona dari perspektif sains kesihatan Islam. *Jurnal Hadari* 13(1), 93-124.
- PERHILITAN. (2018). Senarai syarikat petshop hidupan liar berdaftar. Diakses pada 2 Disember 2024. <https://www.wildlife.gov.my/index.php/pengumuman/312-senarai-syarikat-petshop-hidupan-liar-berdaftar>
- PERHILITAN. (t.t.) Garis panduan pemeliharaan hidupan liar. (t.tp.)
- Roa Saber. (2024). *Hukmu Tarbiyyati Al-Kilab fi Al-Islam*. Diakses pada 5 November 2024. <https://iqranetwork.com/ar/blog/الكلاب-في-الإسلام/>.
- Siti Hajar binti Darussalam & Rafidah Md Saleh. (2024). Buta kerana najis kucing. Diakses pada 5 November 2024. https://medic.upm.edu.my/article/buta_kerana_najis_kucing-82189.
- Siti Maryam Abdullah, Che Maryam Ahmad. (2018). Hukum penggunaan plasenta haiwan dalam produk kecantikan di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 3(2), 1-10.
- Soleh Bin Hamud At-Tuwijri. (2003). Ahkam al-hayawan ghair ma'kul fi al-ibadat. Universiti Ummul Qura Arab Saudi.
- Syams Al-Din Al-Ramli. (2021). *Nihayah al-muhtaj ila syarh al-minhaj*. Al-Dar al-Alamiah li al-Nashr wa al-Tajlid.
- Zubair Amir. (2023). Hukum membela ular tidak berbisa. Diakses pada 5 November 2024. <https://www.muftiselangor.gov.my/2023/10/26/33-taudih-al-hukmi-hukum-membela-ular-tidak-berbisa>